

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 DECEMBER 2016

Resolusi kemenangan rakyat Palestin: PM

BH - 25/12/2016

➔ Keputusan PBB bantah penempatan haram tamparan hebat buat Israel

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menyifatkan resolusi membatalkan penempatan haram Israel di bumi Palestin yang diluluskan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai kemenangan buat rakyat Palestin yang tertindas.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu juga adalah satu tamparan hebat buat Israel, sekali gus menjadi batu loncatan dalam usaha melihat bumi Palestin aman dan merdeka.

"Alhamdulillah, berkat kekuasaan dan rahmat Allah SWT, meskipun pada mulanya berdepan cabaran apabila Mesir menarik balik cada-



Malaysia, bersama tiga lagi negara yakni New Zealand, Senegal dan Venezuela setuju campur tangan dan membentangkan draf resolusi sama menuntut Israel menghentikan penempatan haram mereka"

Najib Razak,
Perdana Menteri

**Fakta
nombor**

**430,000
PENEROKA**

haram Israel
tinggal di Tebing
Barat ketika ini

ngan draf resolusi mereka, nasib rakyat Palestin tetap akan terbela.

"Malaysia, bersama tiga lagi negara yakni New Zealand, Senegal dan Venezuela setuju campur tangan dan membentangkan draf resolusi sama menuntut Israel menghentikan penempatan haram mereka," katanya dalam entri terbaru di laman sosial rasminya, semalam.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu bukan saja perlu dilihat dari sudut agama, sebaliknya ia juga menandakan sokongan padu komuniti

antarabangsa menentang pelanggaran undang-undang antarabangsa dilakukan rejim Zionis menerusi penempatan haram.

AS enggan guna kuasa veto

Di New York berita melaporkan Majlis Keselamatan menuntut Israel menghentikan pembinaan penempatan haram dalam wilayah Palestin kelmarin, selepas Amerika Syarikat (AS) enggan menggunakan kuasa vetonya dalam resolusi mengutuk sekutu rapatnya di Asia Barat itu.

Dalam satu langkah jarang berlaku dan bersejarah, AS sebaliknya mengambil sikap berkecuali, membolehkan penerimaan resolusi PBB pertama sejak 1979 bagi mengutuk dasar pembinaan penempatan haram Israel.

Tepukan bergemuruh bergema dalam dewan mesyuarat selepas draf resolusi itu disokong semua 15 anggota majlis.

Tindakan bersejarah Majlis Keselamatan itu berjaya diteruskan walaupun ada usaha diketuai Israel dan disokong Presiden AS dipilih Donald Trump untuk menghalangnya.

Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu segera menolak resolusi PBB itu dan mengutuk pentadbiran Presiden Barack Obama kerana tidak menggunakan kuasa vetonya bagi menolak draf itu.

Rumah Putih berkata, Obama membuat keputusan membenarkan Majlis Keselamatan meluluskan usul mengutuk pembinaan penempatan Israel beberapa jam sebelum undian.

Pejabat Presiden Palestin, Mahmud Abbas berkata, undian itu adalah 'satu tamparan hebat' terhadap dasar Israel dan menunjukkan 'sokongan kuat terhadap penyelesaian dua negara'.

AFP/AP